

No. Tender: PJPM 19/2019

**KENYATAAN TAWARAN TENDER PELUPUSAN ASET ALIH**

1. Tender adalah dipelawa kepada pihak yang layak/ berminat untuk membeli Aset Alih seperti berikut:-

Bil.	Keterangan Aset Alih	*Nombor Pendaftaran Kenderaan	Kuantiti	Harga Simpanan
1.	Kenderaan Ford Everest SUV XLT	DAS 567	1	RM3,000.00

\* Nota : Bagi yang berkaitan sahaja.

2. Aset boleh dilihat pada **10 September 2019** hingga **12 September 2019** di antara jam **11.00 pagi hingga 12.30 tengahari** di Tempat Letak Kenderaan Pejabat Tanah Dan Jajahan Pasir Mas.
3. Tender akan ditutup pada **25 September 2019 jam 12.00 tengah hari**.
4. Tawaran boleh dibuat dengan menggunakan Borang Tender Pelupusan Aset Alih (KEW.PA-25) yang boleh diperoleh di alamat seperti di para 5. Tempoh sah laku tawaran adalah 90 hari bermula dari tarikh tender ditutup.
5. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul berlakri dan di tanda dengan No. Tender **PJPM 19/2019** dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Tender di alamat:

Yang Amat Berusaha,  
Ketua Jajahan  
Pejabat Tanah Dan Jajahan Pasir Mas  
Kompleks Apam Putra  
Bandar Baru Pasir Mas  
Lubok Jong, 17000 Pasir Mas, Kelantan.  
(U/P: Bahagian Khidmat Pengurusan)

6. **SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN TENDER**

- 6.1. Aset Alih akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
- 6.2. Petender adalah dikehendaki menyertakan deposit tender sebanyak 5% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau tertakluk kepada maksimum RM10,000. Deposit Tender hendaklah dalam bentuk Wang Pos/ Draf Bank/ Jaminan Bank atas nama **Ketua Jajahan Pasir Mas.**
- 6.3. Tawaran tanpa/kurang deposit tender tidak akan dipertimbangkan.
- 6.4. Semua aset alih adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is-basis*).
- 6.5. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset alih yang telah dijual.
- 6.6. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset alih seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut, cukai duti import dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
- 6.7. Petender yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh 14 hari dari tarikh pemberitahuan keputusan. Jika bayaran penuh tidak dijelaskan dalam tempoh 14 hari, deposit tender tidak akan dikembalikan.
- 6.8. Petender yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 7 hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk melupuskan aset alih tersebut.